

19 SEP 2003

PARAQUAT-PETANI

RAMAI PETANI MASIH SOKONG PENGGUNAAN PARAQUAT

Oleh: T.J. Khoo

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Guna paraquat atau tidak?. Itulah persoalan utama yang bermain di kotak fikiran ramai petani di negara ini.

Lembaga Racun Perosak negara telah mendapat persetujuan pihak berkuasa untuk mengharamkan penggunaan paraquat (racun rumpai) bermula September 2005 kerana ia mengandungi bahan toksid yang tinggi.

Bagaimanapun ramai petani merasakan mereka mahu terus menggunakan paraquat memandangkan keberkesannya dalam mengawal tumbesaran lalang.

Memandangkan sebatian cepat bertindak paraquat, pesawah-pesawah padi boleh mengusahakan sawah padi mereka hanya 24 jam selepas menggunakan racun rumpai itu berbanding 10 hari sekiranya menggunakan satu lagi jenis racun rumpai lain iaitu "glyphosate isopropylamine".

Selain pesawah padi, petani yang terlibat dalam aktiviti pertanian lain seperti lada, koko, minyak sawit dan getah juga menggunakan paraquat dengan meluas ketika ini.

Paraquat, racun rumpai berasaskan nitrogen, digunakan di seluruh dunia bagi membasmi lalang kerana kosnya yang murah. Gabungan cepat bertindak dan tidak berpilihnya memusnahkan tisu-tisu tanaman hijau apabila disemur, di mana ianya dalam menjimatkan masa dan wang petani serta pekebun kecil untuk memusnahkan lalang dan rumput-rumput yang tidak diperlukan di sawah padi, kebun dan ladang.

Seorang anggota jawatankuasa Pertubuhan Peladang Kawasan Chenderong Balai, Abdul Rani berkata, petani-petani boleh meningkatkan keluaran mereka sehingga 10 tonne sehektar dengan menggunakan pemusnah rumput rampai itu.

Jenis pemusnah rumput rampai lain, katanya, mengambil masa yang lebih panjang, sehingga 10 hari, untuk menghapuskan lalang dan rumput di petak sawah padi mereka berbanding paraquat, yang bertindak hampir serta merta.

"Ia menjimatkan banyak masa kami dan membolehkan kami meningkatkan keluaran padi seperti yang diharapkan oleh kerajaan," kata Abdul Rani, baru-baru ini.

Pesawah padi menyatakan mereka boleh meningkatkan hasil tanaman padi mereka sehingga 10 tonne sehektar dengan menggunakan paraquat.

Dan mereka mahu mengadakan pertemuan dengan pegawai-pegawai dari Lembaga Racun Perosak untuk menyuarakan pendapat mereka mengenai mengapa racun rumpai yang mereka telah gunakan sejak 40 tahun lalu perlu diharamkan. Setakat ini pegawai-pegawai lembaga tidak melayan permintaan untuk mengadakan pertemuan sedemikian.

Naib presiden Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) Boon Weng Siew menyatakan pertemuan dengan pegawai-pegawai lembaga akan membantu menjelaskan kekusutan berkaitan dengan paraquat.

Pesawah padi merasakan dengan masalah yang membebankan seperti mengawal penyakit yang menjejaskan tanaman mereka, mereka berharap agar tidak akan berdepan lagi dengan masalah lain akibat daripada pengharaman racun rumpai yang telah diyakini sejak sekian lama.

Persoalan yang sering dilontarkan, siapa yang akan memberi pampasan kepada kerugian mereka?.

Sejak dahulu lagi, pesawah padi telah menyatakan bahawa paraquat tidak menyebabkan pencemaran air bawah tanah dan kaji selidik yang dijalankan oleh lima universiti merumuskan bahawa "paraquat tidak membawa risiko tinggi pencemaran air bawah tanah." Satu daripada agensi yang membiayai kaji selidik itu adalah Jabatan Pertanian AS.

Seorang jurucakap kepada lebih 15,000 pesawah padi di Seberang Prai

Utara, Mohamad Saad Saat berkata, paraquat menjimatkan kos kerja-kerja sawah dan tempoh masa penanaman berbanding glyphosate.

"Kami telah lama menggunakan paraquat dan mahir dengan peraturannya," katanya. "Glyphosate membawa kesan yang lama kepada bahagian bawah tanah dan justeru, tanaman tidak boleh hidup lama. Lagi pun, ia juga lebih mahal."

Kaji selidik yang dijalankan oleh lima universiti Amerika itu juga mendedahkan bahawa kerajaan AS mendapati bahawa paraquat berkesan dalam memusnahkan marijuana (pokok ganja). Malahan kerajaan Mexico menggunakannya untuk menghapuskan tanaman yang tidak dibenarkan ini.

Sementara itu, Saba anak Aling, petani dan ketua kampung dari Sarikei, Sarawak, berkata "paraquat berfungsi di permukaan tetapi glyphosate meresap jauh ke dalam tanah yang menyebabkan ia membawa kesan yang lebih lama."

Kedua-dua Saad dan Saba menyatakan paraquat selamat digunakan tetapi ianya sering disalah gunakan.

"Sebagai pemusnah lalang dan rumput, paraquat sangat berkesan tetapi ia telah disalah guna oleh sesetengah orang untuk membunuh diri. Justeru, ia telah dianggap sebagai merbahaya," kata Saad.

Untuk mengelak kecenderungan membunuh diri dengan menggunakan paraquat, pengeluar-pengeluar telah menambah satu ejen yang akan menyebabkan individu akan termuntah jika meminumnya. Ia juga mempunyai bau yang kuat yang bertindak sebagai pemberi amaran.

Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA), Persatuan Pekebun Kecil Kebangsaan (NASH) dan Persatuan Pemilik Estet Malaysia (MEOA) menyatakan dalam satu kenyataan bersama baru-baru ini bahawa pengharaman paraquat akan menyebabkan negara mengalami kerugian terkumpul sebanyak RM2.73 bilion bagi tempoh 10 tahun. Ia juga dijangka menjejaskan daya saing minyak sawit Malaysia di peringkat antarabangsa.

Ketiga-tiga badan itu menyatakan pengharaman itu akan menjejaskan lebih 700,000 petani pekebun kecil dan 3,000 estet yang menggunakan paraquat.

MPOA, NASH dan MEOA juga mengendalikan kaji selidik yang dijalankan oleh Intercedent Asia mengenai kesan pengharaman paraquat ke atas sektor getah dan minyak sawit.

Kaji selidik mereka mendapati bahawa pengharaman itu memberi kesan serius kepada ekonomi termasuk kenaikan RM1.57 bilion kos terkumpul kawalan lalang dan rumput rumpai dan RM1.16 bilion kerugian terkumpul hasil tanaman.

Pengharaman itu juga akan menyebabkan sebilangan besar daripada 700,000 pekebun kecil yang menggunakan paraquat mengalami kerugian pendapatan tahunan sehingga 7.0 peratus dalam tempoh sederhana, mewakili pendapatan hampir sebulan dan juga menjejaskan daya saing minyak sawit Malaysia akibat kos pengeluaran tinggi dan hasil tanaman rendah.

Kaji selidik Intercedent Asia itu juga mendapati paraquat mengekalkan struktur akar yang membantu mengelak penghakisan tanah.

Bagaimanapun isu yang paling bersangkutan dengan pengharaman itu adalah pengguna paraquat mungkin terpaksa mendapatkannya di pasaran gelap yang mengeksploitasikan produk sub-standard yang secara tidak langsung meletakkan diri mereka sendiri dan alam sekitar dalam keadaan yang lebih merbahaya.

MPOA memberi amaran bahawa minyak sawit Malaysia akan berdepan dengan persaingan sengit daripada pesaing terbesarnya, Indonesia, yang merupakan antara 120 negara yang membenarkan penggunaan paraquat. Negara-negara lain termasuklah India, Vietnam, Jepun, Australia dan Amerika Syarikat.

Presiden NASH Datuk Mazlan Jamaluddin berkata, "Kami mewakili lebih 700,000 pekebun kecil yang tidak bersetuju dengan pengharaman tersebut. Ia akan menjejaskan pendapatan pekebun kecil kelapa sawit dan getah masing-masing sebanyak 6.8 dan 5.8 peratus."

Pada 8 Sept, 200 petani di Sungai Gedung dekat Bagan Serai merentangkan sepanduk sepanjang 300 meter yang ditandatangani lebih 5,000 petani di seluruh negara menggesa pemimpin-pemimpin negara campur tangan mewakili mereka. Ia merupakan perhimpunan kedua dalam tempoh dua bulan selepas 15,000 pesawah padi di Wilayah Utara Seberang Prai berkumpul pada 14 Julai untuk menggesa kerajaan menimbang pengharaman tersebut.

Sepanduk itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, untuk mendapat campur tangan membatalkan pengharaman itu.

Pada 10 Sept, Timbalan Menteri Pertanian Datuk Seri Mohd Shariff Omar mengumumkan pengharaman ke atas paraquat akan terus dikekalkan meskipun rayuan daripada pesawah padi.

Meskipun racun rumpai itu sangat popular di kalangan petani dan pekebun kecil, beliau berkata ia perlu diharamkan kerana paraquat adalah toksid yang sangat kuat.

Beliau juga menggesa petani menggunakan pemusnah rumpai jenis lain yang kurang toksid seperti glyphosate.

Bagaimanapun, petani-petani sukar berbuat demikian kerana mendakwa mereka hanya boleh mengusahakan sawah mereka 10 hari selepas menggunakan semburan glyphosate.

Apa yang paling menjengkelkan petani-petani adalah keengganan Lembaga Racun Perosak mendengar keluhan mereka berhubung kesan daripada pengharaman itu ke atas kehidupan mereka. Mereka juga kesal lembaga itu tidak menimbang implikasi ekonominya.

Pada 27 Ogos, 2002, lembaga telah mengeluarkan surat pekeliling bahawa permohonan untuk mendaftar atau mendaftar semula paraquat akan ditolak. Semua permohonan sedang diproses akan dihentikan dan produk yang didaftarkan sebelum ini akan dihentikan secara berperingkat.

Sejak pekeliling pada 27 Ogos, lembaga mengambil sikap mendiamkan diri. Pegawai-pegawainya menyatakan pengharaman akan dikekalkan tanpa perlu dikaji semula oleh Lembaga Kerana ia adalah keputusan Kabinet. -- BERNAMA

TJK SHY ZK